**SULIT**
**5226/1**
**Tasawwur Islam**
**Kertas 1**
**Ogos 2018**
**1 ¼ Jam**

Nama : ________________________

Tingkatan : _____________________

**Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu**

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3
Tingkatan 5
2O18

**TASAWWUR ISLAM**

**Kertas 1**

**Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nama dan tingkatan** *anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas ini mengandungi dua bahagian.* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
3. *Jawab* **semua** *bahagian dalam kertas soalan ini.*
4. **Bahagian A** *mengandungi* **20** *soalan.Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 9 dalam kertas soalan ini.*
5. **Bahagian B** *mengandungi* **20** *soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
6. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan* **Bahagian A** *dan 45 minit untuk* **Bahagian B.**

| ***Untuk Kegunaan Pemeriksa*** | | |
|---|---|---|
| | | |
| **Bahagian** | **Markah** | |
| **A (Soalan 1-20)** | **20** | |
| **B (Soalan 21-40)** | **20** | |
| **JUMLAH** | **40** | |

Disediakan Oleh:
**AKRAM NEGERI TERENGGANU TERENGGANU**

Dibiayai Oleh:
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*
*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*
*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

**BAHAGIAN A**
**(20 MARKAH)**

1

Allah SWT berkuasa memberi sesuatu mengikut kehendakNya.

Penyataan di atas merujuk kepada konsep tauhid

A Syumuliyyah
B Rabbaniyyah
C Rububiyyah
D Uluhiyyah

2 Antara berikut yang manakah tanggungjawab manusia kepada sesama insan?

I Memelihara hak- hak jiran
II Membantu mereka yang memerlukan bantuan
III Mengamalkan budaya hormat menghormati dan bertoleransi
IV Menjalinkan hubungan yang baik berdasarkan taraf dan keturunan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

3

*Baginda Rasulullah SAW mengasingkan diri di Gua Hira' untuk memikirkan hakikat ketuhanan yang sebenar.*

Penyataan di atas merujuk kepada

A fitrah beragama
B maksum
C mukjizat
D fikah

4 Cara menangani budaya asing ialah

I mengamalkan cara hidup sihat
II memperkukuhkan ilmu teknologi
III menjadikan Islam sebagai cara hidup
IV mengamalkan budaya tempatan yang positif

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

**[Lihat halaman sebelah]**

 ***© 2018 Hak Cipta JPNT***

5 Materialisme ialah

A fahaman yang memisahkan nilai- nilai agama dengan kehidupan
B fahaman yang mempercayai hanya benda yang menyebabkan terjadinya segala sesuatu di dunia ini
C fahaman yang mahukan demokrasi dan kebebasan dalam kegiatan politik, ekonomi dan sosial
D fahaman yang menganjurkan supaya sumber- sumber kekayaan dijadikan milik negara untuk dinikmati oleh setiap rakyat dengan sama rata

- Bersifat rabbani
- Mencegah kejahatan
- Menegakkan keadilan
- Menyeru kepada kebaikan
- Mengamalkan akhlak mulia

6 Penyataan di atas merujuk kepada
A tanggungjawab hakim
B matlamat kehakiman
C prinsip kehakiman
D kelayakan hakim

| **Ibadat** | **Rukhsah** |
|---|---|
| Haji | Mengerjakan haji secara ifrad, tamattuk atau qiran |
| Puasa | Berbuka apabila bermusafir |
| Solat | Solat secara duduk apabila tidak mampu berdiri |

7 Jadual di atas menerangkan contoh

A Murunah
B ‘Alamiyyah
C Waqi’iyyah
D Syumuliyyah

8 Antara berikut yang manakah cara utama menghindarkan kemurungan dan bunuh diri dalam kalangan remaja muslim?
A Mengelakkan diri daripada bergaul dengan rakan sebaya
B Melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti
C Mengenakan tindakan tegas
D Menghayati ajaran agama

9 Contoh pengaruh luar yang boleh merosakkan pemikiran seseorang muslim ialah
A Mengamalkan budaya hedonisme
B Mempercayai aura mandi bunga
C Mengamalkan susuk
D Mempercayai tangkal

[Lihat halaman sebelah]

 © 2018 Hak Cipta JPNT

10 Bahaya mengikut ajaran sesat kepada individu ialah

A membatalkan akidah
B mencemarkan kesucian Islam
C memudaratkan ketenteraman negara
D masyarakat tidak aman dan tenteram

11

- Berdisiplin
- Menepati masa
- Perancangan yang betul
- Bekerja kerana Allah SWT
- Memaksimumkan produktiviti

Penyataan di atas merujuk kepada

A kelebihan bekerja
B budaya kerja Islam
C etika kerja Islam
D syarat pekerjaan menjadi ibadat

12 Antara berikut ialah keperluan mencari harta secara halal **kecuali**

A menjamin kebahagian hidup di dunia dan di akhirat
B mengelakkan permusuhan dalam kalangan manusia
C mengelakkan penindasan dan penganiayaan
D mengelakkan manusia bersikap sombong

13 Harta yang diperoleh mestilah diuruskan dengan cara yang ditetapkan oleh Allah SWT. Cara menunaikan hak- hak yang wajib terhadap harta ialah

A sedekah
B derma
C wakaf
D zakat

14 Salah satu implikasi pelanggaran hukum makruh ialah

A mendapat kemurkaan Allah SWT
B mendatangkan kerosakan dalam masyarakat
C menyebabkan seseorang itu tidak akan disenangi oleh masyarakat
D amalan yang dilakukan mudah terpesong daripada kebenaran

15 Kepentingan matlamat perundangan Islam dari sudut memelihara kehormatan diri ialah

A menjamin keamanan negara
B menjamin kemuliaan seseorang terpelihara
C memantapkan institusi kekeluargaan
D memastikan agihan harta dilakukan secara adil

16 Antara kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam ialah

A melahirkan sifat pasrah
B memperkukuhkan ekonomi
C mengukuhkan semangat perkauman
D mengukuhkan keimanan dan ketakwaan

**[Lihat halaman sebelah]**

17

| |
|---|
| Kejayaan dalam keperibadian manusia yang melibatkan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek. |

Penyataan di atas merujuk kepada

A Jati Diri Ummah

B Perpaduan Ummah

C Kekuatan Ekonomi

D Kecemerlangan Pendidikan

18 Antara padanan berikut yang manakah **betul** mengenai kesalahan dan hukuman jenayah menurut Islam?

| | **Kesalahan** | **Hukuman** |
|---|---|---|
| A | Minum Arak | Dibuang negeri |
| B | Zina Ghair Muhsan | Disebat 100 kali |
| C | Mencuri | Disebat 40 kali |
| D | Qazaf | Dipotong tangan dan kaki |

19

| |
|---|
| Hakim memutuskan hukuman supaya suami menceraikan isterinya setelah suami tidak melaksanakan tanggungjawabnya. |

Penyataan di atas merujuk kepada

A Fikah

B Fatwa

C Qadha

D Ijtihad

20 Kesalahan hukuman qisas ialah

A Menuduh zina

B Membunuh

C Minum arak

D Meliwat

[Lihat halaman sebelah]

 © 2018 Hak Cipta JPNT

Untuk kegunaan Pemeriksa

**Bahagian B**
[20 markah]

**Soalan 21 hingga 24**
*Tulis istilah yang bersesuaian dengan penyataan berikut pada ruangan yang disediakan.*

21 Seorang pengusaha kilang mendapatkan modal bagi membesarkan kilangnya melalui usahasama dengan bank. 1

22 Gabungan anggota masyarakat untuk saling menjamin dan menolong bagi meringankan beban orang perseorangan serta menjauhi kerosakan yang menyusahkan. 1

23 Fahaman yang menjadikan faktor pengeluaran dan barang- barang pengguna milik negara atau milik bersama rakyat. 1

24 Pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan negara. 1

**Soalan 25 hingga soalan 28**
*Lengkapkan pernyataan berikut.*

25 ___________________ ialah segala hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia. 1

26 Daya kreativiti, ________________ dan produktif dalam melaksanakan pekerjaan ditakrifkan sebagai jati diri. 1

27 _________________________ ialah memelihara kewarasan dan kesempurnaan akal fikiran daripada perkara- perkara yang boleh merosakkannya. 1

28 Pelantikan ketua negara dan urusan negara yang memerlukan keputusan muktamad ditentukan dengan prinsip ______________________. 1

[Lihat halaman sebelah]

 © 2018 Hak Cipta JPNT

Untuk kegunaan Pemeriksa

**Soalan 29 dan Soalan 30**
*Tulis jawapan yang betul*

| | | |
|---|---|---|
| **Cara Wahyu Diturunkan** | | |
| **M** | Deringan loceng yang kuat | **N** |

Jadual di atas berkaitan dengan pengaruh cara wahyu diturunkan.

29 **M** ialah ______________________ 1

30 **N** ialah ______________________ 1

**Soalan 31 hingga Soalan 34**
*Padankan jawapan yang betul.*

| | | | |
|---|---|---|---|
| P | Hadis Sahih | Q | Hadis Dhaif |

| | | |
|---|---|---|
| 31 | Mempunyai sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah SAW | |
| 32 | Gugur seorang perawi daripada sanadnya. | |
| 33 | Dijadikan hujah dan dalil oleh umat Islam. | |
| 34 | Diriwayatkan oleh seseorang yang melakukan perbuatan fasik. | |

1
1
1
1

 © 2018 Hak Cipta JPNT

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

**Soalan 35 dan Soalan 36**

*Tulis jawapan yang betul berdasarkan carta A di bawah.*




**Carta A**

35 **T** ialah ______________________________ 1

36 **U** ialah ______________________________ 1

**Soalan 37 hingga soalan 40**

*Tandakan (√) pada penyataan yang betul.*
*Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.*

37 Dalam konsep 'Alamiyyah, Islam memberi kelonggaran kepada penganutnya mempelbagaikan fesyen untuk menutup aurat. [ ] 1

38 Hadis menguatkan nas- nas yang terdapat dalam al- Quran. [ ] 1

39 Ahli hukum Islam yang memutuskan sesuatu hukum fikah berasaskan pandangan sendiri dikenali sebagai ahli majlis syura. [ ] 1

40 Bekerja merupakan amalan yang diberikan pahala oleh Allah SWT sekiranya ikhlas dibuat keranaNya. [ ] 1

**KERTAS SOALAN TAMAT**

| **MARKAH BAHAGIAN B** |
|---|
| |

# KERTAS JAWAPAN

## Bahagian A

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **1** | A | B | C | D | **11** | A | B | C | D |
| **2** | A | B | C | D | **12** | A | B | C | D |
| **3** | A | B | C | D | **13** | A | B | C | D |
| **4** | A | B | C | D | **14** | A | B | C | D |
| **5** | A | B | C | D | **15** | A | B | C | D |
| **6** | A | B | C | D | **16** | A | B | C | D |
| **7** | A | B | C | D | **17** | A | B | C | D |
| **8** | A | B | C | D | **18** | A | B | C | D |
| **9** | A | B | C | D | **19** | A | B | C | D |
| **10** | A | B | C | D | **20** | A | B | C | D |

| MARKAH BAHAGIAN A |
|---|
| |

 ***© 2018 Hak Cipta JPNT***